



TEKS UCAPAN

OLEH

**YBRS. TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

DI

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN FEBRUARI 2025

**25 FEBUARI 2025 (SELASA) | 8.30 PAGI
LOBI MENARA MPS**

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato'
(Dr) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah
Gombak

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Ahli-ahli Majlis,

Pengarah-Pengarah jabatan, pegawai-pegawai
seterusnya tuan-tuan dan puan-puan warga MPS yang
saya hormati sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Kita
Selangor dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perhimpunan Bulan Februari 2025 peringkat MPS yang bertemakan “Strata Terpelihara, Komuniti Sejahtera”**.
2. Tema ini dipilih sempena perhimpunan yang dihoskan oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) bagi memberi kesedaran kepada seluruh warga kerja MPS tentang peranan dan tanggungjawab COB dalam menangani cabaran pengurusan komuniti strata.
3. Saya juga difahamkan bahawa dengan kekuatan seramai 15 orang kakitangan, COB kini memantau sebanyak 697 skim strata yang melibatkan 103,121 petak. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah mengendalikan 362 skim yang masih belum menubuhkan badan pengurusan rasmi, yang memerlukan pemantauan dan tindakan berterusan.

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum cabaran dalam mengekalkan skim strata yang harmoni, lestari serta berdaya huni, ceria dan bertoleransi bukan sesuatu yang mudah.
5. Ini kerana ianya melibatkan provokasi dari pihak pengadu tegar atau pemilik petak yang mahukan penyelenggaraan, kemudahan ruang gunasama yang terbaik tetapi mempunyai tunggakan tinggi atau culas membuat bayaran Yuran Penyelenggaraan secara konsisten.
6. Justeru itu, saya berharap agar pada masa akan datang skim-skim yang tidak aktif atau tidak berfungsi terutama skim kos rendah dapat dijadikan keutamaan program-program Ahli Majlis dalam menyantuni komuniti bagi memberi penerangan serta penjelasan bersama-sama dengan pihak COB berkaitan kepentingan "*House Rules*" bagi mewujudkan skim contoh didalam zon Ahli Majlis yang mematuhi undang-undang dan peraturan skim strata.

7. Selain itu juga, penekanan perlu diberikan dalam mendidik komuniti perbandaran Selayang berkenaan pengurusan serta 'hidup' dalam Skim Strata.
8. Kesepakatan diantara Badan Pengurusan dengan penduduk dalam memberi kesedaran melalui program mengenai **etika hidup berjiran** dalam komuniti strata seperti menghormati had bising, penggunaan tempat letak kereta dan kebersihan kawasan gunasama (awam) boleh meningkatkan keharmonian dalam komuniti strata itu sendiri.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Bulan Februari 2025 ini telah meninggalkan momen yang sangat bermakna kepada 87 orang kakitangan MPS yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS Tahun 2024 dalam satu majlis yang diadakan pada 7 Februari 2024 bertempat di Setia Eco Templer, Rawang.

10. MPS turut berbesar hati dengan kehadiran YB Datuk Dr. Haniff bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, yang sudi hadir sebagai tetamu kehormat bagi meraikan pencapaian cemerlang warga kerja MPS.
11. Selain itu, majlis ini juga turut memberi penghormatan kepada 19 orang pesara MPS bagi tahun 2024 dan 2025 sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan jasa bakti mereka sepanjang tempoh perkhidmatan di MPS.
12. Saya berharap pengiktirafan yang diterima ini menjadi sumber inspirasi kepada semua kakitangan untuk terus mengekalkan komitmen dan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga semangat dedikasi ini dapat diteruskan demi kecemerlangan MPS dan kesejahteraan komuniti Selayang.
13. Bersempena sambutan Hari Thaipusam di Kuil Sri

Subramaniam, Batu Caves pada 10 Februari 2025, MPS seperti tahun-tahun sebelum ini turut membantu dalam penyelarasan sambutan perayaan ini. Antara aspek yang diberi perhatian termasuk kawalan pembersihan, penaiktarafan infrastruktur dan landskap, serta memastikan kawalan keselamatan berjalan lancar dengan kerjasama PDRM dan agensi-agensi lain. Syabas dan terima kasih kepada semua kakitangan yang bertugas serta memberikan komitmen penuh dalam memastikan kelancaran program ini.

14. MPS turut menerima kunjungan panel penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) daripada Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi menilai prestasi dan kecekapan pengurusan pentadbiran serta perkhidmatan yang disediakan oleh MPS.
15. Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan proses penilaian ini

berjalan lancar. Komitmen dan dedikasi anda menjadi pemangkin kepada usaha MPS dalam mencapai kecemerlangan pengurusan pentadbiran.

16. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan beregu karom MPS yang berjaya meraih Naib Johan dalam Kejohanan Karom Warisan Tertutup & Jemputan anjuran Persatuan Karom OTAI Selayang Baru.

17. Tidak lupa juga, syabas kepada pemenang Pertandingan Pengurusan Stor Terbaik atas usaha cemerlang dalam memastikan pengurusan stor yang teratur, sistematik dan efisien. Kejayaan ini menunjukkan dedikasi kakitangan dalam mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan dan pengurusan dalaman MPS.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

18. Untuk makluman, bersempena dengan kedatangan bulan Ramadan yang bakal menjelang, MPS

mengambil inisiatif untuk mengimarahkan bulan yang mulia ini dengan menganjurkan Tabung Ihya Ramadan. Pelancaran tabung ini diharapkan dapat menggalakkan serta melipatgandakan amalan bersedekah dan berinfaq dalam kalangan warga MPS, khususnya dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

19. Akhir kata, tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan sebagai tuan rumah yang telah menjayakan perhimpunan bulanan kita pada pagi ini.

20. Salam Ramadhan buat semua kakitangan yang beragama Islam. Semoga Ramadan kali ini membawa keberkatan, ketenangan, dan rahmat yang berpanjangan kepada kita semua.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi warabarakatu.